



**BAB
DUA**

BAB DUA

PEMIKIRAN EKONOMI ISLAM

Bab ini menghuraikan secara mendalam berhubung dengan pemikiran ekonomi Islam sebagai landasan teori dalam kajian ini. Ini penting untuk dijadikan asas kepada kajian pemikiran al-Imām al-Ghazālī dalam bidang ekonomi.

2.1. Definisi

Definisi ekonomi dari sudut bahasa ialah berjimat, bercermat atau berhemat dalam menggunakan sesuatu¹.

Dari sudut istilah ia boleh dimaksudkan sebagai satu ilmu yang mengkaji kegiatan manusia dalam menggunakan pelbagai sumber bagi mengeluarkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi kehendak dirinya dan manusia lain².

Perkataan Islam pula ədalah kata terbitan dari kata dasar *aslama* yang bermaksud penyerahan diri dan iltizam terhadap sesuatu. Dari segi istilah ia bermaksud penyerahan diri kepada Allah s.w.t. yang mencipta

seluruh alam, dan berjanji serta beritikad untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. yang disebut sebagai Syariat di dalam segenap bidang kehidupan dan berharap mendapat keredaan Allah s.w.t.

Secara dasarnya Ekonomi Islam boleh ditakrifkan sebagai satu aktiviti yang dilakukan oleh manusia Muslim dalam menggunakan sumber-sumber alam yang disediakan oleh Allah s.w.t. untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi hajat dan keperluan individu serta masyarakat menurut undang-undang atau Syariat bagi mencapai matlamat terakhir iaitu mendapatkan keredaan Allah s.w.t.

Aktiviti atau kegiatan penggunaan sumber untuk pengeluaran adalah sesuatu yang universal yang berlaku sepanjang zaman di kalangan semua kelompok manusia tidak terbatas kepada individu atau masyarakat Muslim sahaja. Malah ia melibatkan segala sistem ekonomi yang lain. Tetapi perbezaan ekonomi Islam dengan sistem-sistem yang lain ialah kegiatan dalam sistem ekonomi Islam dipandu oleh peraturan-peraturan dan hukum-hukum dalam Fiqh Islam dan bertujuan untuk mencapai keredaan Allah s.w.t³.

Terdapat berbagai-bagai takrif dan huraiyan yang diberikan kepada

ekonomi Islam oleh sarjana-sarjana yang mengkaji berhubung dengan ekonomi Islam.

Ekonomi Islam boleh didefinisikan sebagai ilmu kemasyarakatan yang mengkaji tingkah laku manusia dalam soal mengguna dan menguruskan sumber-sumber alam untuk kepentingan diri dan juga kepentingan masyarakat bagi mendapat keredaan Allah s.w.t.⁴ Berdasarkan definisi ini ekonomi Islam merupakan satu ilmu yang mengkaji tentang pola-pola masyarakat yang berkaitan dengan gelagat manusia berhubung dengan soal mengguna dan mengurus sumber-sumber yang terdapat di muka bumi ini.

Definisi ini tiada perbezaan dengan pengertian yang diberikan kepada ekonomi konvensional yang ditakrifkan sebagai kajian tentang tingkah laku manusia berkaitan hubungan di antara penggunaan akhir yang tidak terhad dan sumber-sumber yang terhad⁵.

Ibn Khaldūn mentakrifkan ekonomi Islam sebagai kehidupan manusia daripada satu rupa dan keinginan untuk mendapatkan rezeki dan berusaha untuk mendapatkannya⁶. Ia juga ditakrifkan sebagai satu kajian *al-Falāḥ* (kejayaan) manusia melalui pengurusan sumber bumi berdasarkan kerjasama dan penyertaan⁷. Ia juga boleh diuraikan sebagai ilmu yang mengkaji tentang kegiatan manusia yang selaras dengan

kehendak Syariat bagi segi memperolehi, mengguna atau mengurus sumber asli untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian demi mendapat keredaan Allah s.w.t.⁸.

2.2. Ciri-Ciri Ekonomi Islam

Daripada takrif dan huraian yang diberikan di atas terdapat beberapa ciri yang dapat menjelaskan tentang ekonomi Islam⁹. Berdasarkan kepada takrif-takrif tersebut, dapat disimpulkan bahawa kelakuan manusia dalam sistem ekonomi Islam adalah berdasarkan kepada penggunaan alat yang dikenali sebagai sumber yang mana tanpanya kehidupan manusia menjadi sukar. Allah s.w.t. telah melengkapkan kehidupan di dunia ini dengan sumber yang mencukupi¹⁰.

Konsep sumber dalam Islam ini meliputi segala sesuatu yang bermanfaat untuk digunakan bagi kebaikan di dunia dan juga akhirat. Dalam ekonomi Islam, manusia di samping sebagai individu sosial, individu Islam juga merupakan seorang yang beragama yang mana kelakuan berekonomininya adalah tunduk kepada panduan hukum agama yang disebut sebagai Syariat dan nilai Islam¹¹.

Dari sudut matlamat ekonomi Islam pula ia dapat dilihat daripada dua peringkat; iaitu matlamat perantaraan dan matlamat akhir¹². Matlamat perantaraan dinamakan keperluan, kebaikan, kepuasan dan hajat. Matlamat akhir pula dinamakan sebagai tanggungjawab. Matlamat perantaraan tidak akan ada nilainya di sisi Islam kecuali matlamat itu dijadikan matlamat untuk pencapaian matlamat akhir sebagai matlamat sebenar. Memenuhi keperluan, kepuasan, kebaikan dan hajat adalah lebih berbentuk keduniaan yang semestinya dijadikan tempat dan alat untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi iaitu keredaan dan *al-Falah*. Oleh kerana objektif Syariat adalah untuk kesejahteraan manusia dan seluruh alam maka bidang keutamaan ekonomi Islam ialah pencapaian matlamat tersebut iaitu kesejahteraan dan kemenangan di dunia dan akhirat.

Oleh itu, matlamat ekonomi Islam bukan semata-mata untuk individu, masyarakat dan negara semata-mata. Malah lebih utama, ia bermatlamatkan untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. dan bukan untuk tujuan yang selain daripada itu.¹³. Dari sudut ini ekonomi Islam lebih komprehensif kerana ia tidak terbatas kepada faktor-faktor ekonomi semata-mata tetapi juga merangkumi faktor-faktor bukan ekonomi seperti nilai akhlak, etika, sosial dan politik yang semuanya mempunyai peranan dalam mencapai kesejahteraan tersebut¹⁴.

Islam menangani persoalan ekonomi ini berdasarkan akidah yang kukuh yang mana seseorang individu Muslim itu percaya bahawa rezeki yang disediakan oleh Allah s.w.t. adalah mencukupi bagi semua makhluknya di muka bumi ini¹⁵.

Daripada penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa ekonomi Islam ialah suatu usaha kegiatan manusia mengikut nilai-nilai hukum dan peraturan-peraturan tertentu dalam mengguna dan mengurus sumber-sumber alam untuk dimanfaatkan semaksima mungkin, bukan sahaja untuk kepentingan dan keperluan diri dan tanggungannya tetapi juga untuk menjamin hak dan kepentingan ramai bagi memenuhi kehendak semua pihak dengan matlamat akhirnya mendapat keredaan Allah s.w.t.

2.3. Falsafah Ekonomi Islam

Falsafah merupakan pengetahuan tentang pengertian sesuatu konsep atau realiti yang dianggap sebagai dasar ilmu yang tertinggi atau ia boleh dertiikan sebagai perbahasan mengenai hakikat sesuatu perkara melalui jalan berfikir yang berpandu kepada sesuatu pegangan atau keyakinan tertentu¹⁶.

Falsafah ekonomi Islam ditegakkan berdasarkan kepada pegangan ajaran agama terhadap kehidupan, manusia dan Allah s.w.t¹⁷.

Khurshid Ahmad mengemukakan empat falsafah bagi ekonomi Islam iaitu *tawhid*, *rububiyyah*, *khilafah* dan *tazkiyah*.

Pandangan Arif Muhammad juga tiada perbezaan dengan falsafah yang dikemukakan oleh Khurshid tetapi menambah satu lagi elemen iaitu tanggungjawab terhadap hari akhirat sebagai salah satu daripada falsafah ekonomi Islam¹⁸.

Monzer Khaf pula menyentuh soal keesaan Allah s.w.t. dan hari pembalasan, konsep hak milik dan kesamaan manusia¹⁹.

Muhammad Abdul Rahim membincangkan persoalan *tawhid*, *khalifah* dan kedaulatan Allah s.w.t. dalam hak milik²⁰.

Falsafah berkaitan *tawhid*, *rububiyyah*, kesamaan dan persaudaraan serta konsep hak milik manusia turut disentuh oleh Abu Sulayman²¹.

Falsafah ini akan menjadi lebih lengkap jika dimasukkan satu persoalan asas dalam Islam iaitu matlamat kehidupan berekonomi²².

Secara keseluruhannya falsafah ekonomi Islam ini telah dibentuk daripada gabungan beberapa institusi penting dalam Islam seperti *Tawhid*, *khilafah*, persaudaraan, hakmilik dan hari pembalasan

2.3.1. Institusi *Tawhid*

Batu asas kepada kepercayaan dalam Islam ialah *tawhid* iaitu kepercayaan kepada keesaan Allah s.w.t dan semua perkara yang wujud adalah datang daripada konsep tauhid tersebut. Konsep ini akan melahirkan kepercayaan bahawa alam semesta ini dijadi dan diciptakan oleh Allah s.w.t. bukan berlaku secara kebetulan dan tanpa tujuan. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t²³:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ حَتْوِيهِمْ وَيَنْفَكِرُونَ فِي خَلْقٍ

السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Bermaksud:

"(laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

Perkara yang sama juga dijelaskan dalam firman berikut²⁴:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَاطِلًا ذَلِكَ ظَنُّ الظَّاهِرِ كَفَرُوا

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ.

Bermaksud: "Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan; yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir! Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang kafir itu dari azab neraka."

Konsep tawhid ini juga menjelaskan bahawa setiap yang dijadikan oleh Allah s.w.t. di muka bumi ini mempunyai matlamat dan tujuan tertentu sesuai dengan kewujudan alam semester ini yang mana manusia merupakan sebahagian daripadanya. Oleh kerana ini setelah diciptakan alam semesta ini Allah s.w.t. tidak membiarkannya begitu sahaja, malah ia terus mengikuti perkembangan dan pergerakannya pada setiap masa.

Ini dijelaskan dalam firman Allah s.w.t.²⁵:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى

عَلَى الْعَرْشِ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مَا مِنْ شَفِيعٍ إِلَّا مِنْ بَعْدِ إِذْنِهِ ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ

فَاعْبُدُوهُ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ.

Bermaksud:

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa kemudian la bersemayam di atas Arasy mentadbirkan segala urusan. Tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi syafaat melainkan sesudah diizinkannya. (Yang bersifat demikian) itulah Allah, Tuhan (yang memelihara dan mentadbirkan keadaan) kamu; maka tunduklah dan taatlah kamu kepada perintahnya; patutkah kamu - setelah mengetahui kenyataan yang tersebut tidak mahu mengingatiNya?"

la juga dijelaskan melalui firman Allah s.w.t.²⁶ :

يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مِنْ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَرْجُعُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ

أَلْفَ سَنَةٍ مِمَّا تَعْدُونَ.

Bermaksud:

"Allah mentadbirkan makhluk-makhluknya; (bagi melaksanakan tadbirnya itu la menurunkan segala sebab dan peraturan) dari langit ke bumi; kemudian diangkat naik kepada pengetahuannya (segala yang berlaku dari perlaksanaan tadbirnya itu untuk dihakimiNya) pada suatu masa yang (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) banyak bilangan tahunnya menurut hitungan masa kamu yang biasa."

Jelasnya, dalam soal yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi, kekuatan institusi Tawhid ini dapat membantu manusia menyelesaikan permasalahan asas dalam ekonomi yang wujud berdasarkan kepada panduan yang diberikan oleh Allah s.w.t. melalui al-Qur'an dan al-Sunnah²⁷.

2.3.2. Institusi Harta dan Pemilikan

Konsep harta dan pemilikan dalam sistem ekonomi Islam dibentuk berdasarkan kepada keimanan yang penuh bahawa hanya Allah s.w.t. merupakan pemilik, pencipta, pentadbir dan pengurus alam semesta ini.

Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. di dalam ayat-ayat berikut:

Firman Allah s.w.t.²⁸:

وَلِلّٰهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Bermaksud:

"Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya. Ia

menciptakan apa jua yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Firman Allah s.w.t.²⁹ :

وَهُوَ الْفَالِقُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْحَمِيرُ

Bermaksud:

"Dan Dia lah yang Berkuasa atas sekalian hambaNya (dengan tadbir dan takdir); dan Dia lah Yang Maha Bijaksana serta Amat Mendalam PengetahuanNya."

Berdasarkan ayat-ayat tersebut ia jelas menunjukkan segala sesuatu yang terkandung di alam ini adalah dicipta, dikuasai, ditadbir dan menjadi hak milik mutlak Allah s.w.t. Oleh yang demikian soal menentukan penggunaan harta dan sumber alam ini juga perlu tunduk di bawah kekuasaan-Nya dan hanya Allah sahaja yang berhak menentukan penghidupan manusia di muka bumi ini. Ini dijelaskan lagi berdasarkan firman Allah s.w.t.³⁰:

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكَ نَحْنُ قَسَّمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَتَبَاهَدْ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا

وَرَحْمَةُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَحْمَلُونَ

Bermaksud:

"(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara kerohanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan."

Manusia diciptakan hanya bertujuan untuk memakmurkan alam ini

sebagai khalifah atau penguasa berdasarkan firman Allah s.w.t.³¹:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Bermaksud:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"."

Sehubungan itu, manusia perlu mensyukuri segala kurnia yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada mereka di atas segala bentuk nikmat dengan menafkahkan sebahagian daripada hartanya dan beriman kepada Allah s.w.t.. Ini ditegaskan melalui firman-Nya³²:

آمُّنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنفَقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْلِفِينَ فِيهِ فَالَّذِينَ آمَّنُوا مِنْكُمْ

وَأَنفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ

Bermaksud:

"Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar."

Di samping itu juga, atas kesedaran bahawa semua harta yang diperolehi itu adalah merupakan nikmat Allah s.w.t., maka menjadi satu kewajiban bagi manusia untuk menggunakannya dengan cara yang baik dan diredayai-Nya sebagaimana firman Allah s.w.t.³³:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَّنُوا أَنفَقُوا مِنْ طَيَّابَاتٍ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنْ

الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْحَجَبَيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا

فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ.

Bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih

yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

Setiap manusia perlu menyedari bahawa semua harta yang dimiliki oleh manusia itu bukan merupakan haknya yang tetap dan kekal. Sebaliknya ia hanyalah milik sementara sahaja. Ini dinyatakan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya³⁴:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَئِنْجِزِينَ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ

بِأَخْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

Bermaksud:

“(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya Kami membalaik orang-orang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.”

Dengan kefahaman yang sebenar berkenaan konsep harta dan pemilikan sumber alam ini, ia dengan sendirinya akan membentuk sikap umat Islam yang positif. Melalui sikap ini ia akan melahirkan bentuk tindakan dan amalan yang selari dengan kehendak tuntutan Syarak, iaitu manusia digalakkan berusaha dan menguasai segala sumber kekayaan alam yang disediakan oleh Allah s.w.t. untuk digunakan dan

dimanfaatkan bukan sahaja untuk dirinya, tetapi juga untuk masyarakat dan kepentingan negara.

2.4. Kesimpulan

Ilmu ekonomi Islam memberikan manusia jalan dan peraturan mengenai cara atau kaedah untuk mengatasi masalah asas ekonomi yang timbul akibat fenomena kekurangan yang berpunca daripada dua keadaan kehidupan yang saling bertentangan. Fenomena ini melibatkan keadaan manusia yang memiliki kemahuan dan kehendak yang tidak terbatas berhadapan dengan situasi alam yang hanya dapat menyediakan sumber atau faktor pengeluaran yang terhad³⁵.

Dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi ini, sistem ekonomi Islam telah meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama di samping peranan akal dan pengalaman untuk memastikan manusia dapat bertindak selaras dengan kehendak Syarak³⁶.

NOTA HUJUNG

1. Lihat perkataan *economy* dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992. *Kamus Inggeris – Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s 447
2. Dziyauddin Ahmad. 1994. "Asas Ekonomi Islam: Hubungan Dan Perbezaan Antara Fiqh Dan Ekonomi Islam". Kertas kerja Seminar Peranan Fiqh Muamalat dalam Menghadapi Cabaran Menuju ke Arah Wawasan 2020 Anjuran Kulliyyah Ekonomi dan Pengurusan Universiti Antarabangsa Malaysia dan Baitulmal Wilayah Persekutuan di Lumut Country Resort Perak pada 8 – 11 September 1999. m.s 3
3. Ibid. m.s 10
4. Hailani Muji Tahir (Dr). 1991. *Sistem Ekonomi Islam dan Dasar Belanjawan*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah. m.s 7
5. L.Robins. 1952. *Essay of The Nature and Significance of Economics Science*. London: Macmillan & Co.. m.s 1.
6. Rujuk : Fachruddin, F.M. 1982. *Ekonomi Islam*. Jakarta : Penerbit Mutiara. m.s 11.

-
7. Khan, M.A. 1984. "Islamic Economics: Nature and Need". *Journal of Research in Islamic Economics*. Jilid 1, Bil. 12, hal 55-61. m.s 55
 8. Surtahman Kastin Hasan. 1990. *Ekonomi Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. m.s 11
 9. Surtahman Kastin Hasan. 1990. *Masalah Ekonomi dan Alam Sekitar: Penyelesaian Islam*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Karyawan. m.s 4.
 10. Ini berbeza dengan definisi ekonomi dalam sistem konvensional yang menyatakan bahawa ekonomi itu wujud disebabkan oleh keinginan manusia yang tidak terbatas dalam menggunakan sumber-sumber ekonomi yang terbatas dan tidak mencukupi.
 11. Surtahman Kastin Hasan. 1993. *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. m.s 19.
 12. Ibid. m.s 20.
 13. Hailani Muji Tahir (Dr). *Op.cit.* m.s 9.
:
 14. Surtahman Kastin Hasan. 1993. *Op.cit.* m.s 20.

-
15. Ibid. m.s 20.
 16. Hailani Muji Tahir (Dr). *Op.cit.* m.s 11.
 17. Khaf, Monzer. 1989. "Islamic Economics Systems: A Review".
Reading in the Concept and Methodology of Islamic Economics. Sunt. Aidit Ghazali & Syed Omar. Petaling Jaya: Pelanduk Publication. m.s 72.
 18. Arif Muhammad. 1989. "Towords Establishing the Microfoundation of Islamic Economics: The Basis of the Basic". *Reading in the Concept and Methodology of Islamic Economics*. Sunt. Aidit Ghazali & Syed Omar. Petaling Jaya: Pelanduk Publication. m.s 85.
 19. Khaf, Monzer. *Op.cit.* m.s 72.
 20. Abdul Rahim,M. 1979. "The Philosophical Background of the Economics of Islam". *Thoughts on Islamic Economics*. Bangladesh: Islamic Economic Research Bereau. m.s 305-315.
 21. Abū Sulaymān, A.H. 1976. "The Theory of the Economics of Islam: The Economics of Tawḥīd and Brotherhood". *Contemporary Aspects*

of Economic Thingking in Islam. United States America: American Trust Publication. m.s 13-19.

22. Surtahman Kastin Hasan. 1990. Op.Cit . m.s 13.

23. al-Qur'ān, Surah Āli 'Imrān (3): 191

24. al-Qur'ān, Surah Ṣād (38): 27

25. al-Qur'ān, Surah Yūnus (10): 3

26. al-Qur'ān, Surah al-Sajdah (32) : 5.

27. Saiful Azhar Rosly (Dr.) . 1998. "Tingkahlaku Manusia Penyebab Fenomena Kekurangan". *Dewan Ekonomi*. Ogos 1998. m.s 7.

28. al-Qur'ān, Surah al-Mā'idah (5) : 17

29. al-Qur'ān, Surah al-An'ām (32) : 5

30. al-Qur'ān, Surah al-Zukhruf (43) : 32

31. al-Qur'ān, Surah al-Baqarah (2) : 30

32. al-Qur'ān, Surah al-Hadid (57) : 7

33. al-Qur'ān, Surah al-Baqarah (2) : 267

34. al-Qur'ān, Surah al-Nahl (16) : 96

35. Saiful Azhar Rosly. *Op.cit.* m.s 8.

36. Ibid.